

**Malaysia Dan Korea Utara Komited Untuk Kukuhkan Kerjasama Dua Hala
Bernama
31 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Korea Utara menegaskan komitmen masing-masing untuk mengukuhkan dan memperluaskan kerjasama dua hala pada masa akan datang.

Kementerian Luar dalam satu kenyataan berkata ia merupakan hasil rundingan dua hala yang julung kali antara Malaysia dan Korea Utara yang diadakan di Pyongyang Rabu.

Delegasi Malaysia ke rundingan itu diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Mohd Radzi Abdul Rahman manakala Korea Utara diketuai oleh Timbalan Menteri Luar Pak Kil Yon.

"Semasa rundingan tersebut, kedua-dua pihak bertukar pandangan mengenai pelbagai isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama. Secara amnya kedua pihak amat berpuas hati dengan tahap perkembangan hubungan dua hala yang disifakan mesra," kata kenyataan itu di sini.

Malaysia dan Korea Utara juga bersetuju untuk mengadakan acara-acara khas sempena memperingati ulang tahun penubuhan diplomatik yang ke-40 di antara dua negara pada tahun depan.

"Kedua-dua pihak turut bersetuju untuk terus bekerjasama dalam isu pelbagai hala yang mempunyai kepentingan bersama di peringkat antarabangsa, terutamanya di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Forum Serantau Asean," katanya.

Mohd Radzi turut mengadakan kunjungan hormat ke atas Naib Presiden Perhimpunan Agung Rakyat Yang Hyong Sop.

Semasa perbincangan, Yang melahirkan penghargaan negara itu terhadap bantuan kemanusiaan yang dihulurkan oleh Malaysia semasa krisis kekurangan bekalan makanan yang melanda negara itu.

"Beliau turut menyuarakan harapan agar hubungan dua hala antara Malaysia dan Korea Utara akan terus kukuh dan berkembang pada masa hadapan," kata kenyataan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691095>